

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/08/2007

# Undur kalau tidak sanggup berjuang untuk rakyat – Najib

UM-10/8/2007

Oleh NAZRULLAH ROSLI  
dan ARSHAD KHAN

KUANTAN 9 Ogos – Datuk Seri Najib Tun Razak menasihatkan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang tidak sanggup berjuang untuk kesejahteraan rakyat agar tidak lagi menawarkan diri menjadi wakil rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jawatan ADUN dan panggilan 'YB' (Yang Berhormat) bukan hanya sekadar panggilan glamor tetapi sebaliknya diiringi tanggungjawab yang berat dalam memperjuangkan kepentingan rakyat.

"Kalau tidak sanggup berjuang untuk rakyat, jangan sekali-kali tawar diri menjadi wakil rakyat.

"ADUN Barisan Nasional (BN) mestilah

sanggup mengabdikan diri, sedia berkhidmat dan berjuang untuk rakyat, jangan utamakan perkara-perkara yang dianggap glamor, sukakan sanjungan ketika menghadiri sesuatu majlis tetapi tidak buat kerja," kata Timbalan Pengerusi BN itu ketika berucap pada Program Gotong-Royong Perdana di Perkampungan Sungai Isap di sini, hari ini.

Najib berkata, wakil rakyat perlulah sentiasa dekat di hati rakyat kerana mereka merupakan barisan hadapan kerajaan dalam menjaga isu-isu yang disifatkan sebagai 'periuk nasi' masyarakat seperti permohonan tanah, rumah dan kebajikan.

Katanya, bagi menjalankan tanggungjawab dengan sempurna, wakil rakyat perlu mencari kepuasan dalam setiap tugas.

"Kalau kita dapat menolong seseorang sehingga dia dapat apa yang diinginkan, kita berjabat tangan dan tengok air muka dia,

itulah kepuasan yang amat besar," katanya. Beliau berkata, pertolongan itu juga merupakan satu amal jariah dan ibadah yang paling tinggi nilainya daripada menjadi terkenal.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan para ADUN agar mengamalkan konsep 4J iaitu Jaga Diri, Jaga Rakyat, Jaga Kawasan dan Jaga Parti dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Katanya, BN mampu memenangi pilihan raya akan datang dengan lebih cemerlang jika wakil rakyat BN dapat mengamalkan konsep tersebut.

"Selain itu, kita juga kena jaga rakan-rakan kita dari parti komponen, contohnya jika ada peruntukan untuk UMNO, kita bagi juga pada MCA, Gerakan dan sebaliknya dengan cara adil dan saksama mengikut semangat tulen BN," katanya.